

Tunku Tun Aminah diijab kabul

JOHOR BAHRU - Puteri tunggal Sultan Johor, Tunku Tun Aminah Maimunah Iskandariah Sultan Ibrahim sah bergelar isteri kepada Dennis Muhammad Abdullah dengan sekali lafaz di Istiadat Akad Nikah yang berlangsung di Istana Bukit Serene di sini, semalam.

Pasangan Diraja itu dinikahkan oleh Mufti Johor, Datuk Mohd Tahrir Kiyai Samsudin yang diperkenalkan oleh Sultan Johor menjadi wakil rasmi baginda pada majlis itu yang berlangsung menggunakan Bahasa Melayu (lafaz).

Keluarga pengantin perempuan diwakili Yang Dipertua Jumaah Majlis Diraja Johor, Datuk Abdul Rahim Ramli menyerahkan sembilan dulang hantaran berbalas tujuh dulang daripada pengantin lelaki yang diwakili bekas Setiausaha Kerajaan Negeri Johor, Datuk Ismail Karim.

Hantaran dibawa anggota Askar Timbalan Setia Negeri (ATSN) antaranya cincin



Dennis Muhammad sah suami Tunku Tun Aminah dengan sekali lafaz.

emas, al-Quran, sejadah, persalinan baju Melayu teluk belanga dan sampung, sirih junjung, kek, bunga rampai dan halwa maskat.

Terdahulu, istiadat pertunangan dan majlis hantaran berlangsung disaksikan Sultan Johor, Sultan Ibrahim Sultan Iskandar dan

Permaisuri Johor, Raja Zarith Sofiah Sultan Idris Shah, serta ahli keluarga dan rakan terdekat.

Berangkat sama, Tunku Mahkota Johor, Tunku Ismail dan isteri, Che' Puan Khaleeda Bustamam; Tunku Temenggong, Tunku Idris Iskandar Al-Haj; Tunku



Gambar rasmi Dennis Muhammad dan Tunku Tun Aminah sebagai pasangan suami isteri.

Panglima, Tunku Abdul Rahman Al-Haj dan Tunku Putera Johor, Tunku Abu Bakar.

Hadir sama, ibu bapa pengantin lelaki, Martin dan Henriette Verbaas, ahli keluarga dan rakan terdekat dari Belanda.

Dennis Muhammad ke-

mudian menyarungkan cincin perkahwinan di jari manis Tunku Tun Aminah serta memberikan mas kahwin sebanyak RM22.50.

Pasangan Diraja yang kelihatan anggun dan tampan mengenakan busana tradisional Johor, baju kurung teluk belanga dan baju Melayu

teluk belanga serba putih itu kemudian turun ke bawah sebelum mencium tangan ibu bapa masing-masing dan juga ahli keluarga yang lain.

Dennis Muhammad mengenakan songkok dengan dua kerongsang yang sama digunakan oleh Almarhum Sultan Iskandar pada hari perkahwinannya, yang diberikan oleh bondanya, Sultanah Aminah Ungku Ahmad.

Istiadat berlangsung dengan menampilkan segala keunikan, kekayaan warisan serta tradisi dan adat istiadat Diraja Johor.

Pada sebelah malam, pasangan Diraja itu diraikan dalam istiadat persandingan di Bilik Singgahsana Istana Besar Johor Bahru.

Kira-kira 1,200 tetamu menghadiri majlis ringkas tapi penuh bermakna itu yang turut dipancarkan secara langsung kepada orang ramai menerusi skrin digital gergasi, ditempatkan di Dataran Bandaraya dan bangunan Majlis Bandaraya Johor Bahru.

Foto: ROYAL PRESS OFFICE